

# Luak Sungai Ujong untuk cari bakal penyandang pesaka

17/2/88

SEREMBAN, Selasa — Pemilihan Undang Luak Sungai Ujong kali ini sebenarnya adalah urusan mencari bakal penyandang pesaka Datuk Kelana Putra (Undang) ke-18 jika dikira daripada nisbah keturunan Bendahara Skudal.

Anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Tinggang hari ini mendakwa nisbah keturunan Puteri Mayang Selida, Tok Engku Klang, Bendahara Skudal, Andika Mendelika dan Johan Perkasa hanya

sebagai carta pentadbiran sahaja dan ini tidak bermakna mereka semua adalah Waris Kelana (Undang).

Jurucakap mereka berkata Bendahara Skudal adalah Undang Luak Sungai Ujong yang pertama dan ketika itu bergelar 'Penghulu Luak Sungai Ujong' dan bukannya Datuk Kelana Putra.

Gelaran Datuk Kelana Putra mula digunakan oleh Penghulu kesembilan, Datuk Kelana Bador.

"Penghulu Luak Sungai Ujong kedua ialah Tok Kelambu atau Mohd Tambu dan ini diikuti oleh Jentik, Musang, Selat, Kadim, Pandak dan Chanuk.

"Penghulu kesembilan ialah Bador yang mula menggunakan gelaran Datuk Kelana Putra.

"Ini diikuti oleh Datuk Kelana Putra Leha (lelaki), Bahl, Kawal, Sendeng, Syed Abdul Rahman, Mohd Yusof, Makmur dan Mohd Kassim," katanya dalam kenyataan kepada Berita Harian di sini.

## Cadangan

Mengenai cadangan tokoh sejarah dan politik Negeri Sembilan, Tan Sri Abdul Samad Idris supaya perjalanan sistem Adat Perpatih di semua Luak dibukukan, jurucakap itu berkata ia adalah cadangan yang baik.

Bagaimanapun, beliau berpendapat cadangan itu 'agak mustahil' dilaksanakan kerana ia mungkin mendapat tentangan golongan tertentu termasuk Undang sendiri.

"Kita hendaklah berani menerima hakikat ada antara Undang di Luak Sungai Ujong yang mewarisi pesaka Datuk Kelana Putra menerusi cara meragukan. Ini memang pahit untuk ditelan tetapi ia adalah satu kenyataan.

"Cara mewarisi pesaka Datuk Kelana Putra menerusi jalan yang amat meragukan ini menyebabkan timbulnya kata adat yang mengelirukan seperti 'Undang berterombo, maka Undang sahaja yang boleh membuka Terombo'.

"Kata adat seperti ini dengan jelas menunjukkan bahawa ia mempunyai muslihat tertentu iaitu bagi menyembunyikan sesuatu maklumat yang penting daripada pengetahuan anak-anak Waris tertentu," tambah jurucakap itu.

Bellau berkata pihaknya berharap Tan Sri Abdul Samad akan meneruskan 'usaha murni ini sekalipun beliau terpaksa berhadapan dengan pelbagai rintangan dalam memperjuangkan keadilan'.